



## Lagak urban

■ Oleh Fatin Hafizah Mohd Shahar  
fatin@bharian.com.my

**M**EMAINKAN inspirasi berdasarkan struktur bangunan pencakar langit yang berdiri teguh dan memaparkan keutuhan semangat kota, koleksi jenama persalinan BIEM kembali dengan rekaan lebih moden khusus untuk peminat metropolitan.

Menggabungkan warna terang dan lembut, koleksi musim bunga/panas 2012 lebih menyerlah menerusi koleksi bertemakan *City Life* dan setiap rekaan memaparkan kehidupan sebuah kota yang dipenuhi pelbagai kisah dalam kalangan penduduknya.

Mencerminkan semangat kebebasan, bertenaga dan seksi, koleksi BIEM sesuai untuk wanita muda dan urban yang mana sentiasa mencari gaya tersendiri untuk menjalani rutin formal mereka.

Menurut Pengurus Jualan BIEM Malaysia, Niki Leng, rangkaian jenama itu sememangnya sinonim untuk gadis yang ingin tampil bergaya walaupun sibuk dengan kerjaya.

"Koleksi *City Life* direka khas untuk memberikan keselesaan sepanjang pemakaian bahkan meningkatkan lagi keyakinan penggemarnya.

"Sentiasa tampil anggun dan menarik adalah impian setiap wanita tidak kira apa juga profes-

sion yang disertai mereka. Oleh demikian, menerusi koleksi kali ini, mereka mampu terus kekal menawan walaupun selepas waktu berkerja.

"Ini kerana setiap rekaan yang dipersembahkan bukan saja selesa bahkan rekaannya boleh dipadankan untuk semua majlis yang mana ia mampu mempermudahkan gadis berkerjaya untuk keluar bersantai pada hari yang sama," jelasnya pada majlis perasmian koleksi Panas/Bunga 2012 BIEM, baru-baru ini.

Sehubungan itu, *City Life* mempersembahkan koleksi persalinan formal elegan menerusi potongan seluar kerja yang kemas mengikut potongan kaki memberikan penampilan imej lebih tinggi buat wanita.

Ia juga sesuai dipadankan bersama blaus berenda dengan aneka warna romantik.

Mudah dan sesuai dipadankan untuk semua majlis, jika anda ingin tampil lebih profesional, tambahkan blazer atau jaket dengan potongan badan untuk tampil elegan.

Skirt pendek dengan pelbagai potongan dan panjang juga amat sesuai dipadankan untuk ke pejabat dan boleh dipadankan untuk majlis rasmi. Tambahkan aksesori dan padankan dengan kasut tumit tinggi, penampilan pasti meyakinkan sesiapa saja yang bertentangan dengan anda.



► Niki Leng



Seluar, skirt potongan menarik sesuai ke pejabat, majlis rasmi